



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mail: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02371

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

KAPSYEN FOTO UNTUK SIARAN SEGERA

27 September 2024

CERAMAH ANCAMAN CABARAN DADAH DI TEMPAT KERJA, UNDANG-UNDANG DADAH DI MALAYSIA DAN TEKNIK PENGESANAN AWALAN

KOTA KINABALU (Khamis) : Kumpulan Yayasan Sabah telah menganjurkan satu ceramah bertajuk, “Ancaman Cabaran Dadah di Tempat Kerja, Undang-Undang Dadah di Malaysia dan Teknik Pengesanan Awal” pada 26 September 2024 sempena Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2024, Kumpulan Yayasan Sabah. Ceramah tersebut telah dihadiri oleh seramai 84 staf Kumpulan Yayasan Sabah bertempat di Teater Tun Hamdan, Menara Tun Mustapha.

Ceramah pertama disampaikan oleh, Penolong Pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sabah, Encik Mohd. Farid bin Mohd. Noor membawa pengisian yang menarik mengenai jenis-jenis dadah, sejarah penagihan dadah di Malaysia, isu dan cabaran yang dihadapi oleh Dasar Dadah Negara (DDN) dan ancaman cabaran dadah di tempat kerja.

Ketua Unit Pencegahan dan Kesedaran Awam, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sabah, Encik Zunaidie bin Mohd. Taib, penceramah kedua dalam program ini pula berkongsi pengalamannya yang pernah berkhidmat di Semenanjung beberapa tahun yang lalu. Beliau juga menerangkan undang-undang dadah di Malaysia dan teknik pengesanan awal dengan lebih terperinci. Beberapa teknik pengesanan awal ketagihan dadah termasuk pemerhatian tingkah laku yang berubah seperti penurunan prestasi kerja, perubahan dalam pola tidur dan makan serta keengganan untuk bergaul dengan rakan-rakan dan keluarga. Sebelum ceramah berakhir, Encik Zunaidie turut menjawab beberapa soalan daripada staf Yayasan Sabah.



Gambar 1: Penceramah jemputan, Encik Mohd. Farid menyampaikan ceramah.



Gambar 2: Penceramah jemputan, Encik Mohd. Farid dan Encik Zunaidie bergambar kumpulan bersama peserta ceramah.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Izan binti Awang Razli
Pemangku Pengurus Kanan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : izanchrispenrazli@gmail.com